


ALLAHYARHAM TUAN GURU HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDUL KARIM TOKOH ULAMAK JEMPOL, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Oleh:
Haji Ahmad bin Haji Abdul Majid

Pendahuluan


Tuan guru Haji Abdul Majid adalah seorang ulamak yang dihormati dan disegani masyarakat di daerah Jempol. Allahyarham terkenal dengan kegigihannya memberikan kesedaran kepada umat Islam setempat melalui kuliah dan ceramah agamanya. Kira-kira dua kilometer dari pekan Batu Kikir, jalan menghala ke Bahau, terdapat perkampungan pondok yang mendapat perhatian masyarakat setempat. Pondok ini dikenali dengan nama Pondok Allahyarham Tuan Guru Haji Abdul Majid bin Haji Abdul Karim atau Asrama Majidiah.



Tuan Guru Hj. Abdul Majid

Latar Belakang

Tuan Guru Haji Abdul Majid dilahirkan di Kampung Kuala Rembang Panas, Juaseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan Darul Khusus pada tahun 1906. Beliau berasal daripada keluarga petani yang sederhana hidupnya. Allahyarham mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu hingga tamat Darjah Enam dengan mendapat sijil pertama. Beliau merupakan seorang murid yang pintar dan sering mendapat perhatian dan dikasihi guru-gurunya. Oleh sebab kecerdasannya dalam pelajaran, beliau dinasihatkan supaya menyambung pelajaran ke sekolah Inggeris. Namun, masyarakat pada masa itu beranggapan bahawa sekolah Inggeris merupakan sekolah bagi orang-orang kafir yang bertujuan untuk mengkristiankan orang-orang Islam. Lebih sensitif lagi, ada pula anggapan masyarakat bahawa anak-anak yang bersekolah Inggeris tidak pandai mengucap dua kalimah syahadah ketika menghampiri maut. Inilah 'worldview' masyarakat Melayu tentang pendidikan sekolah Inggeris ketika itu. Lantaran itu, Tuan Guru



Rumah tempat kelahiran Tuan Guru Hj. Abdul Majid di Kampung Kuala Rembang Panas, Kuala Pilah.


Haji Abdul Majid tidak terus menyambung pelajarannya ke sekolah Inggeris. Allahyarham mula-mula mempelajari ilmu keagamaan ketika menjangkau usia 18 tahun. Sebelum itu beliau membantu bapa saudaranya, Tuan Haji Bador bin Menuang, yang bekerja sebagai juruukur di hutan negeri Pahang. Semasa di Pahang,

allahyarham telah jatuh sakit dan akhirnya dibawa balik ke kampungnya. Setelah kesihatannya kembali pulih dengan inisiatifnya sendiri serta direstui oleh beberapa orang bapa saudara keluarganya, termasuk Allahyarham Dato' Hj. Ujang bin Menuang bekas A.D.O Kuala Lumpur, Allahyarham telah dihantar belajar ke Pondok Allahyarham Tuan Guru Hj. Mohamad bin Hj. Mustafa, Kuala Jempol, selama tiga tahun (1923-1925). Tuan Guru Hj. Mohamad melihat Allahyarham seorang murid yang berpotensi dan mempunyai prospek cemerlang sebagai seorang ulamak ulung di Negeri Sembilan. Tuan Guru Hj. Mohamad juga mengakui kebolehan beliau menyelesaikan masalah-masalah feqah (fiqh) yang telah diajukan kepadanya dalam kuliah dan seterusnya dapat menandingi rakan-rakan pelajar yang lebih kanan dan lebih lama di situ.

Allahyarham kemudian menyambung pelajarannya di Pondok Sik, Kedah selamat empat tahun (1925-1928). Berkat kesungguhan dan kegigihannya, Allahyarham seterusnya menyambung pelajarannya di Mekah selama kira-kira tujuh tahun (1928-1935), di sebuah sekolah yang dikenali dengan nama Almadrasah Alsultiah. Di sana, bersama rakan-rakannya, beliau telah bergerak aktif mengasaskan pusat pengajian tinggi "Darul Ulum Makkah Al Mukarramah". Allahyarham merupakan pelajar pertama mendapat syahadah Al Aliah (Sijil Tinggi Darul Ulum) dari institusi tersebut.

Selain mengikut pelajaran di madrasah-madrasah di Mekah Almukarramah, beliau juga mengikuti kuliah-kuliah di Masjidil Haram dan pernah menimba ilmu pengetahuan daripada beberapa orang ulama terkemuka di Mekah dalam berbagai-bagai bidang seperti ilmu agama, bahasa Arab dan sebagainya. Antara gurunya ialah As Syeikh Hasan Masyhat, As Syeikh Zaharuddin, As Syeikh Muhsin dan lain-lain lagi. Pada tahun 1935, oleh sebab masalah keluarga, Allahyarham terpaksa pulang ke tanah air. Allahyarham hanya dapat menuntut di sana selama tujuh tahun walaupun hasrat dan cita-citanya untuk mendalami ilmu keagamaan di Mekah selama 15 tahun. Sekembalinya ke tanah air, Allahyarham telah menyampaikan dan mengajar ilmu keagamaan di Madrasah Kuala Rembang Panas, kampung asal beliau dengan mendirikan beberapa buah pondok. Oleh sebab tempat itu agak kurang sesuai dan terbatas untuk mem-

pergiat perkembangan dakwahnya, maka pada tahun 1936, beliau telah berpindah ke Batu Kikir di atas sebidang tanah seluas empat ekar yang telah dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Almarhum Tuanku Abdul Rahman Ibnu Almarhum Tuanku Muhammad, Yang Dipertuan Agung yang pertama yang juga Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ketika itu




Surau Kampung Kuala Rembang Panas di mana Tuan Guru Haji Abdul Majid mengajar agama sekembalinya dari Mekah

kerana jasa Allahyarham mengajar agama dan bahasa Arab setiap minggu di istana dan juga penasihat kepada baginda.


Di kawasan baharu inilah Allahyarham memulakan kariernya menyempai dan mengajar ilmu keagamaan secara sistem pondok yang lebih berkesan. Lebih 500 orang pelajar dari seluruh Semenanjung, termasuk beberapa orang dari Indonesia datang berguru kepadanya. Allahyarham lebih menitikberatkan mata pelajaran ibadat dalam bentuk teori dan praktikal. Sembahyang berjemaah pada setiap waktu adalah diwajibkan. Para pelajarnya juga diwajibkan menutup aurat. Bagi para pelajar lelaki, mereka dikehendaki berketayap putih (songkok putih) dan bercukur (bergondol).

Madrasah ini kemudiannya dikenali dengan nama Al Madrasah Al Majidiah Ad Dinniah Kampung Baru Batu Kikir, Negeri Sembilan. Peramiannya telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Al Marhum Tuanku Abdul Rahman Ibnu Almarhum Tuanku Muhammad pada tahun 1937. Allahyarham aktif mengembangkan dakwah Islamiah secara sukarela di daerah Jempol dan Kuala Pilah khususnya dan di seluruh Negeri Sembilan amnya.



Beberapa buah pondok asal yang masih kekal di kawasan perkampungan pondok Batu Kikir

Namun, kegiatannya semasa Perang Dunia Kedua tergendala apabila sebahagian daripada pelajarinya yang datang menuntut di madrasah tersebut terpaksa pulang ke kampung masing-masing. Selepas Perang Dunia Kedua, minat dan sambutan masyarakat terhadap sistem pengajian pondok telah berkurangan, tambahan pula sistem dan struktur persekolahan agama/Arab secara moden telah diperkenalkan oleh kerajaan Negeri Sembilan. Sungguhpun



Pondok baru menggantikan pondok-pondok lama

begitu, keazaman untuk mempertahankan sistem pondok tetap kekal dan diwujudkan walaupun diperingkat akhirnya, iaitu pada sekitar tahun 1957, pondok-pondok itu hanya didiami seramai 30 orang perempuan tua yang hanya menjalani aktiviti keagamaan seperti sembahyang, beribadat dan mendengar kuliah-kuliah selepas sembahyang Maghrib. Banyak bekas anak murid-

nya telah berjaya di bidang pendidikan agama dan ada antaranya yang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Tidak kurang juga yang menjawat jawatan-jawatan penting di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Antara muridnya yang berjaya termasuklah Dato' Hj. Mohd. Yusof bin Hj. Abd. Manaf, bekas Kadi Besar dan pendakwaraya di Jabatan Agama Islam Terengganu dan Ustaz Abdul Ghafar Sarih, pensyarah Fakulti Islam, UKM dan bekas pengetua Maktab Perguruan Islam, Bangi. Ramai juga daripada mereka bertugas sebagai guru agama di sekolah-sekolah di seluruh Negeri Sembilan.

Kaedah Pengajaran dan Kurikulum

Pada umumnya Allahyarham tidak terikat atau mengimplimentasikan kaedah yang khusus dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kaedah yang pernah digunakan ialah murid-muridnya diarahkan supaya berkumpul dalam bentuk

"halaqah" (bulatan melengkung) dan guru berada di tengah-tengah atau di hadapan kumpulan pelajarinya dan terus menyampaikan pengajaran yang telah dirancang berpandukan kitab-kitab agama. Dalam sistem pengajian pondok, Allahyarham tidak mempunyai kurikulum yang tertentu, tetapi pengajarannya menekankan pembacaan




**Rumah Allahyarham Tuan Guru Haji Abdul Majid
di Batu Kikir**

beberapa buah kitab tertentu. Perkara yang dipentingkan dalam pengajarannya adalah dari segi pemahaman dan penghafazan. Murid-muridnya dimestikan memahami dan menghafaz pelajarannya. Pelajaran yang diajar termasuklah Usuluddin, Fekah, Bahasa Arab, Tafsir, Hadis dan Mantik. Setelah selesai

sebuah kitab, maka akan diganti pula dengan sebuah kitab yang lain mengikut mata pelajaran.

Pandangan Terhadap Adat Perpatih

Allahyarham dengan tegas menentang mana-mana aspek dalam Adat Perpatih yang bertentangan dengan akidah dan ajaran Islam. Sebagai contoh penentangan aspek yang bertentangan dengan Islam, beliau telah berkahwin dengan perempuan yang sama suku dengannya iaitu Suku Tanah Datar dan perut Datuk Dagang Orang Besar Istana. Adat Perpatih tidak membenarkan perkahwinan sebegitu dan boleh dikenakan denda tertentu sekiranya melanggar peraturan tersebut. Selain itu, mereka yang berkahwin sesama suku juga tidak akan berpeluang merebut jawatan pusaka Datuk Lembaga atau Orang Besar Adat di istana. Di samping itu mereka juga ditakut-takutkan dengan kepercayaan karut seperti keturunan akan menjadi cacat atau sebagainya. Sedangkan kepada Allahyarham kepercayaan dan amalan seperti ini adalah bertentangan dan menyalahi ajaran agama Islam. Dengan penentangan yang dilakukannya terhadap Adat Perpatih, itu maka beliau berharap masyarakat Islam di Negeri Sembilan akan dapat menilai sendiri kejituan dan kebenaran Adat Perpatih yang berkonsepkan "Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah". Beliau tidak dapat menerima perkara-perkara yang bertentang dengan agama Islam yang terdapat dalam Adat Perpatih. Untuk tidak terkongkong dengan konsep dan amalan Adat Perpatih, Allahyarham tidak mahu tinggal di rumah pusaka milik isterinya. Beliau telah berusaha sendiri mendapatkan tanah dan membuat rumah bagi tempat kediamannya dan keluarganya. Menurut Allahyarham, inilah cara yang sebaik-baiknya mengikut kehendak Islam.



Madrasah al-Majiddiah ad Diniah yang diasaskan oleh Allahyarham Tuan Guru Haji Abdul Majid di perkampungan pondok Batu Kikir.

Pandangan Terhadap Politik

Parti politik yang bertunjangkan petunjuk al-Quran dan al-Hadis merupakan

parti politik yang baik dan itulah sebenarnya yang dikatakan politik Islam. Parti politik yang tidak bertentangan dengan Islam perlu disokong dan didukung dan memastikannya tidak diganggu-gugat oleh fahaman politik yang berbentuk nasionalisme, sosialisme, kapitalisme dan lain-lain ideologi ciptaan manusia. Walau bagaimanapun, Allahyarham tidak memasuki mana-mana parti politik dan tidak mahu menyentuh hal-hal politik tanah air dalam kuliah-kuliahnya sehingga akhir hayat beliau.

Pandangan Terhadap Kumpulan Tariqat

Allahyarham tidak pernah menubuhkan kumpulan tariqat untuk diamalkan oleh penuntut-penuntutnya atau masyarakat umum. Namun, beliau berpendapat sekiranya tariqat yang diamalkan itu tidak bertentangan dengan akidah Islamiah, maka tariqat itu bolehlah diamalkan kerana menurutnya "Itulah sebaik-baiknya jalan untuk menghampirkan diri kepada Allah".

Pandangannya Terhadap Pekerjaan

Allahyarham nampaknya tidak berminat langsung untuk bekerja dengan kerajaan atau makan gaji. Beliau pernah ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan beberapa jawatan penting seperti Kadi dan Guru Besar Sekolah Menengah Arab. Semuanya ditolak dengan alasan, berdikari dalam mengembangkan syiar Islam adalah lebih berkesan kerana tidak terikat dengan pemerintah atau kerajaan. Namun, Allahyarham diminta DYMM Tuanku Abdul Rahman, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan untuk mengajar agama dan bahasa Arab di Istana Besar Seri Menanti pada setiap minggu.

Rakan-rakan Allahyarham yang seangkatan dengannya, banyak yang bekerja dengan kerajaan. Antaranya Allahyarham Sheikh Ahmad bin Sheikh Haji Mohd. Said, bekas Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Allahyarham Tuan Haji Hasan, bekas Mufti Kerajaan Melaka, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Mahir; bekas Mufti Kerajaan Kelantan dan Allahyarham Tuan Haji Abu Bakar; bekas Mufti Kerajaan Negeri Pahang.

Pada tahun 1950-an, Allahyarham Sheikh Haji Ahmad; Mufti Kerajaan Negeri Sembilan yang juga rakan persekolahannya di Mekah dahulu, dengan kebijaksanaannya telah berusaha memujuk Allahyarham supaya menganggotai Jawatankuasa Syariah dan Majlis Fatwa di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Allahyarham telah berkhidmat secara sukarela di-

jabatan itu hanya beberapa tahun sahaja, kerana tidak mahu terlibat dengan fatwa-fatwa yang bertentangan dengan ajaran Islam yang berasaskan al-Quran, al-Hadis, Ijmak dan al-Qias. Oleh itu, Allahyarham telah meletakkan jawatan daripada jawatankuasa tersebut kerana berpegang kuat kepada konsep "Yang benar tetap benar dan yang salah tetap salah." Allahyarham berpandukan al-Quran, al-Hadis, Ijmak dan al-Qias yang berasaskan Mazhab As Syafieyah sahaja. Bertaklik kepada satu-satu mazhab untuk menyelesaikan satu-satu masalah tidak dapat diterima oleh Allahyarham. Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya perpecahan di kalangan masyarakat Islam di negara ini.

Kegiatan pada Akhir Hayat

Allahyarham tetap gigih berdakwah dengan mengadakan kuliah pada setiap malam selepas menunaikan solat Maghrib kepada para jemaah dan penghuni pondoknya. Selain itu, Allahyarham terus menyampaikan kuliahnya kepada kaum lelaki pada setiap malam Jumaat, sementara sebelah siang pula dikhaskan untuk kaum ibu. Terdapat juga masyarakat setempat dan individu lain dari kawasan luar Batu Kikir datang mengunjungi beliau pada setiap hari Ahad untuk belajar bahasa Arab, nahu, tafsir dan sebagainya.

Allahyarham meninggal dunia pada petang hari Selasa, 2hb. Mei 1978 bersamaan 24 Jamadilakhir 1398 Hijrah ketika berusia 74 tahun. Beliau meninggalkan seorang balu, Puan Hajah Khairiah binti Hamzah (72 tahun), lima orang anak (dua lelaki dan tiga perempuan) serta 14 orang cucu.

Antara Kelebihan Beliau:

- * Oleh sebab beliau seorang yang dihormati kerana zuhud dan solehnya, masyarakat Islam dari luar dan kawasan berhampiran yang menghadapi pelbagai masalah datang menemui beliau untuk mendapatkan doa daripadanya. Alhamdulillah, biasanya doa beliau dimakbulkan Allah S.W.T.
- * Di daerah Jempol dan Kuala Pilah, biasanya apabila ada kematian, beliau akan dijemput untuk mengetuai upacara solat jenazah.
- * Allahyarham tidak akan menghadiri sebarang kenduri, andainya di tempat itu ada permainan muzik, kompang dan sebagainya kerana beliau menganggap permainan tersebut boleh melalaikan.

- * Allahyarham seorang yang kuat beribadah, sentiasa berjemaah pada setiap waktu sembahyang, sentiasa mengerjakan sembahyang sunat seperti Ishraq, Dhuha, Witr, Qiamullail dan lain-lain lagi. Semasa bekerja, Allahyarham sentiasa berwirid dan membaca al-Quran. Pendek kata setiap saat aktiviti yang dipenuhi dengan ibadah.
- * Allahyarham cepat mesra dengan sesiapa sahaja yang berbual dengannya, tetapi perbualannya lebih banyak membawa unsur-unsur nasihat dan keagamaan.

BEKAS ULAMA DIPILIH TOKOH

SEREMBAN, Khamis: Ulama dan pengasas sekolah agama yang meninggal 17 tahun lalu, Allahyarham Abdul Majid Abdul Karim dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Sembilan dalam majlis sambutan Maal Hijrah di Masjid Negeri, malam tadi.

Anugerah dalam bentuk wang tunai RM5,000, buku agama dan sijil diterima anaknya, Muhammad Abdul Majid, daripada Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Naquiyuddin Tuanku Jaafar.

Turut hadir ialah Undang Yang Empat, Tunku Besar Tampin dan Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad.

Abdul Majid yang meninggal dunia ketika berusia 72 tahun pada 2 Mei 1978, adalah tokoh agama terawal yang menubuhkan sekolah agama.

Beliau dilahirkan di kampung Kuala Rembang Panas, Juasseh pada 1906 dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Juasseh sehingga Darjah Enam dan mendapat sijil pangkat pertama.

Walau pun ditawarkan melanjutkan pelajaran ke Sekolah Inggeris, Abdul Majid memilih belajar dalam aliran agama.

Ketika berumur 18 tahun, beliau belajar di Pondok Mohd Mustafa di Kuala Jempol selama tiga tahun dan empat tahun di Pondok Sik, Kedah.

Selepas itu, Abdul Majid belajar di Madrasah al-Sultiah di Makkah sehingga mendapat kelulusan terbaik, iaitu Syahadah al-Aliyah. Beliau menubuhkan Madrasah al-Majidah ad Diniyah di kampungnya.

Allahyarham Tuan Guru Haji Abdul Majid dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Sembilan 1993.
(Berita Harian, 1993)

Penutup

"Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama", begitulah pepatah yang bersesuaian diberikan kepada tokoh ulamak ini. Di atas jasa dan sumbangan beliau sebagai pengasas sistem persekolahan agama pondok di daerah Jempol, maka Allahyarham telah dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Sembilan 1993. Kita panjatkan doa semoga roh Allahyarham Tuan Guru Haji Abdul Majid bin Haji Abdul Karim dicucuri rahmat serta ditempatkan bersama-sama roh para salihin dan syahadah.